

Ruj.Kami : SSM/JPK(DPK)6/1/18

Tarikh : 18 Mac 2003

PENGUMUMAN AWAM BIL.1 TAHUN 2003

PEMBAYARAN KEPADA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

1. TUJUAN

1.1 Tujuan pengumuman adalah untuk memaklumkan kepada semua pelanggan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tentang peraturan berhubung dengan urusan pembayaran dengannya.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, antara fungsi SSM adalah untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan bagi memungut dan menguatkuasakan pembayaran fi yang ditetapkan atau apa-apa caj lain di bawah undang-undang yang ditadbirkan, antara lainnya, Akta Syarikat 1965, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan mana-mana perundangan subsidiari di bawah Akta-Akta tersebut.

2.2 Semua jenis urusan pembayaran yang dilaksanakan sekarang dibenarkan dibuat sama ada dengan wang tunai, cek syarikat, bank draf, wang pos dan kiriman wang (money order). Dengan

pelaksanaan ini dapat membantu orang ramai membuat pembayaran kepada SSM dengan mudah, cepat dan selamat.

2.3 Walau bagaimanapun, pelaksanaan tersebut telah menimbulkan masalah kepada SSM kerana terdapat sejumlah besar cek-cek yang diterima adalah 'cek tidak sah laku' atau 'cek tendang'. Keadaan ini menyebabkan SSM terpaksa mengambil tindakan pentadbiran mahupun undang-undang bagi mendapatkan gantian cek-cek itu di samping mengalami hal keadaan akuannya yang kucar-kacir.

2.4 Menurut undang-undang, dokumen yang diserahkan tanpa bayaran adalah dianggap tidak diserahkan sehingga bayaran dijelaskan, maka penyerahsimpanan dokumen yang dibuat dengan cek-cek tidak sah laku atau cek tendang adalah dianggap tidak diserahkan. Dokumen berkenaan terpaksa disusuli dan ia dibatalkan dari rekod syarikat berkenaan. Keadaan ini sekarang menjejaskan sistem penyelenggaraan akaun dan rekod SSM.

3. PANDUAN BARU MENGENAI PEMBAYARAN KEPADA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA.

3.1 Bagi mengelakkan masalah berhubung cek tidak sah laku atau cek tendang, SSM dengan ini membuat keputusan bahawa mulai 1 April 2003, apa-apa pembayaran di bawah undang-undang yang ditadbirkan olehnya hendaklah dilakukan secara wang tunai atau bank draf atau wang pos atau kiriman wang. Apa-apa

pembayaran dengan menggunakan cek sama ada cek syarikat atau cek persendirian tidak akan diterima.

Sekian, terima kasih.

ABDUL ALIM ABDULLAH
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia